

28 MAR 2001

EKONOMI-PEMBINAAN

INDUSTRI PEMBINAAN SAMBUT BAIK PAKEJ RANGSANGAN FISKAL

Oleh: Arul Rajoo

KUALA LUMPUR, 28 Mac (Bernama) -- Pakej rangsangan fiskal berjumlah RM3 bilion yang diumumkan oleh kerajaan semalam akan memberikan dorongan kepada industri pembinaan dan industri-industri berkaitan yang lain, demikian menurut Persatuan Pemborong Binaan Malaysia (MBAM) hari ini.

Presidennya, Lai Moo Chan berkata ia bukan sahaja akan membantu kontraktor, tetapi juga pembuat dan pembekal bahan-bahan binaan, serta sektor perkhidmatan yang terdiri daripada lebih 140 rangkaian yang berkait secara langsung dengan industri pembinaan.

"Pengumuman tersebut benar-benar mencerminkan keikhlasan kerajaan dalam hasratnya untuk membantu mencapai pertumbuhan ekonomi mapan dalam menghadapi kelembapan ekonomi sedunia," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan beberapa langkah bagi mengekalkan pemulihan ekonomi negara memandangkan kelembapan ekonomi AS yang dijangkakan tahun ini.

Langkah-langkah ini termasuklah pakej fiskal tambahan berjumlah RM3 bilion kepada Belanjawan 2001.

Selain itu, kerajaan mengumumkan pengurangan caruman pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebanyak dua peratus.

Kata Lai, persatuan itu berharap agar pelaksanaan projek-projek oleh agensi-agensi kerajaan yang berkaitan akan membolehkan kontraktor tempatan mengambil bahagian dalam tender projek berdasarkan tender terbuka.

Katanya, kerajaan harus memastikan pengagihan projek-projek sedemikian secara lebih meluas untuk memberi faedah kepada seramai mungkin kontraktor.

Naib Presiden Gerakan, Datuk Dr S. Vijayarajam berkata kerajaan patut dipuji kerana mengadakan langkah-langkah untuk mengimbangi kesan-kesan negatif yang mungkin timbul terhadap ekonomi Malaysia ekoran kelembapan ini.

"Penggubalan dan pelaksanaan dasar fiskal yang baik bukanlah perkara mudah, ia memerlukan pengetahuan, pandangan jauh dan penggunaan sumber dan kepakaran yang betul," katanya.

Sementara itu, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menggesa kerajaan menimbang semula cadangannya untuk mengurangkan caruman pekerja kepada KWSP.

Setiausaha agung MTUC, G. Rajasekaran berkata, strategi tersebut mungkin baik bagi kalangan perniagaan dan boleh mempertingkatkan keuntungan mereka, tetapi akan menjejaskan taraf kehidupan pekerja apabila bersara kelak.

"Kerajaan mesti ingat bahawa pekerja-pekerja dalam sektor swasta bergantung sepenuhnya kepada simpanan mereka dalam KWSP untuk menguruskan penghidupan mereka selepas bersara," tambah beliau.

Katanya, MTUC telah menasihatkan anggota-anggota gabungannya supaya menggalakkan ahli-ahli mereka meneruskan caruman mereka sebanyak 11 peratus.

Rajasekaran berkata Kesatuan Pekerja-Pekerja Industri Logam, Kesatuan Pekerja-Pekerja Tekstil Johor, Kesatuan Pekerja-Pekerja Tekstil Pulau Pinang dan Kesatuan Pekerja-Pekerja Bank Sarawak telah mengambil keputusan untuk meminta syarikat masing-masing mengekalkan caruman mereka sebanyak 11 peratus.

Daripada menyentuh tentang simpanan persaraan pekerja, kata Rajasekaran, adalah lebih baik jika kerajaan mengarahkan semua majikan

untuk memberi kenaikan gaji sebanyak dua peratus. -- BERNAMA
AR AHH FR KY AA